

**SEGERA DENGAN FAKS**

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1 Klt.32 (97)  
Tarikh : 27 Januari 2015

**Ketua Pengarah  
Malaysian Nanban**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR MALYSIAN NANBAN BERTAJUK “PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN PENGENALAN DIRI- ANDRITHA SEDIH” BERTARIKH 18 JANUARI 2015, AHAD – M.S: MUKA DEPAN**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas dan sukacita diperturunkan di bawah ini penjelasan Jabatan Pendaftaran Negara mengenai isu yang diutarakan oleh Puan Nur Hidayah Henrietta Binti Abdullah berkenaan dengan agama Islam yang tertera pada Kad Pengenalan beliau.

2. Untuk makluman tuan, rekod Jabatan ini mendapati Puan Nur Hidayah Henrietta Binti Abdullah adalah beragama Islam dan berketurunan India. Manakala anak beliau Mageswary Binti Abdullah didaftarkan sebagai beragama Islam adalah berdasarkan agama ibu kanak-kanak ketika Pendaftaran Lewat Kelahiran tanpa sebarang pindaan maklumat didaftarkan.

3. Jabatan ini ingin memaklumkan sekiranya Puan Nur Hidayah Henrietta Binti Abdullah ingin memohon pindaan maklumat agama dalam Kad Pengenalan, beliau perlu mengemukakan dokumen seperti kad pengenalan pemohon, sijil kelahiran, akuan bersumpah berkaitan permohonan yang dipohon dan Perintah Mahkamah Syariah bagi permohonan pertukaran agama daripada Islam kepada bukan Islam dan pertukaran nama Islam kepada nama bukan Islam.

4. Sehubungan dengan itu, sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung dengan perkara ini beliau bolehlah terus berhubung dengan Pejabat Perkhidmatan Pelanggan Jabatan Pendaftaran Negara di talian 03-8880 7077/8234.

Sekian, terima kasih

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah.

**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)

s.k.:  
1. YBhg. Dato' KPPN  
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)  
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)  
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)